



30 Disember 2013
30 December 2013
P.U. (A) 382

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (BARANG-BARANG DIPERBUAT DARIPADA MANA-MANA BAHAGIAN BABI ATAU ANJING) 2013

TRADE DESCRIPTIONS (GOODS MADE FROM ANY PART OF PIG OR DOG) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (BARANG-BARANG DIPERBUAT DARIPADA
MANA-MANA BAHAGIAN BABI ATAU ANJING) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 29(1)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perihal Dagangan (Barang-Barang Diperbuat Daripada Mana-Mana Bahagian Babi atau Anjing) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2014.

Ketidakpakaian

2. Perintah ini tidak terpakai bagi apa-apa jenis makanan termasuk makanan haiwan.

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini—

“anjing” ertinya semua jenis anjing termasuk hibrid dan terbitannya;

“babi” ertinya semua jenis babi termasuk hibrid dan terbitannya.

Barang-barang diperbuat daripada mana-mana bahagian babi atau anjing

4. (1) Mana-mana orang yang, dalam perjalanan apa-apa perdagangan atau perniagaan, mempamerkan apa-apa barang-barang atau bahagian barang-barang yang diperbuat daripada mana-mana bahagian babi atau anjing, sama ada untuk jualan atau sebagai sampel barang-barang jualan, hendaklah—